

Kemurungan: Guru perlu dibantu

MATTHEW CHAN

KENYATAAN Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Kamarozaman Abd Razak baru-baru ini bahawa masalah kemurungan dalam kalangan guru adalah cukup serius terutamanya membatikan mereka yang bertugas di bandar besar, tidaklah mengejutkan.

Malahan, masalah tersebut merupakan satu realiti nyata yang sudah pun berlaku sejak sekian lama. Keadaan menjadi lebih genting apabila peranan guru-guru sekolah kini telah berubah. Bukan sahaja mereka perlu mendidik, kini mereka turut dibebani dengan tugas pentadbiran dan perkeranian yang sepatutnya dilakukan oleh kerani. Tidak cukup dengan itu, wujud juga kerenah pelajar, gangguan daripada ibu bapa pelajar serta faktor-faktor sampingan lain.

Satu kajian yang dijalankan oleh sekumpulan pendidik Universiti Putra Malaysia (UPM) beberapa tahun lalu mendedahkan, 71.1% daripada guru-guru sekolah di Kuala Lumpur dan Selangor mengalami stres. Daripada jumlah itu, satu pertiga daripada guru-guru tadi turut berhadapan dengan masalah kemu-

rungan. Pendedahan sedemikian wajar membuka mata pihak berwajib dalam memikirkan jalan penyelesaian terbaik.

Pendedahan pihak media mengenai kisah kemurungan dalam kalangan guru sekolah hanyalah bibit-bibit permulaan kepada sesuatu yang jauh lebih serius daripada apa yang disangkakan.

Semua sedia maklum, tekanan merupakan satu tindak balas fisiologi-gikal dan psikologi-gikal ke atas permintaan terhadap seseorang. Dalam erti kata lain, apabila tekanan melanda ke atas diri seseorang, ia akan menyebabkan fikiran dan fizikal seseorang individu bertindak mengikut keadaan serta tahap tekanan terbabit. Situasi sedemikian turut menidakkan tanggapan awam bahawa hanya para pelajar sekolah sahaja yang berasa tertekan dan murung akibat tekanan kerja yang keterlaluan.

Beberapa insiden yang berlaku seperti tindakan seorang guru sekolah wanita berusia 36 tahun yang bertindak terjun dari sebuah pasar raya setinggi lima tingkat di Ipoh dan seorang guru sekolah wanita yang ditemukan lemas di Perlis pada 2016, amatlah mendukacitakan.

Kedua-dua insiden ini jelas membuktikan kepada kita bahawa

masalah kemurungan bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh.

Di Malaysia, tugas menjadi seorang guru amatlah mencabar. Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, pelbagai usaha telah giat dijalankan oleh KPM dalam meningkatkan mutu pendidikan di negara kita. Dengan pelaksanaan pelbagai usaha dan reformasi ini, sudah tentu jangkaan dan harapan tinggi disandarkan pada baru warga pendidik untuk merealisasikan.

Apa pun, guru-guru sekolah tidak patut dijadikan sebagai "punching bag" jika hasrat yang disandarkan oleh rakyat tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perlu diingatkan warga pendidik hanyalah sebahagian daripada pihak yang terlibat. Pendek kata, pihak yang lain seperti Kementerian Pendidikan, kesatuan-kesatuan guru dan ibu bapa haruslah juga turut serta untuk membantu.

Itu sebabnya saranan yang dibuat oleh NUTP baru-baru ini kepada Menteri Pendidikan agar mereka turut diberikan ruang untuk membantu dalam isu kemurungan guru amatlah dialu-alukan. Ini kerana, kebanyakan guru di negara ini adalah ahli NUTP. Mutakhir ini, ahli-ahli NUTP adalah seramai 220,000

orang daripada keseluruhan 435,000 jumlah guru yang ada di seluruh negara.

Di pihak ibu bapa, mereka wajar memahami dan menghargai tugas guru-guru di sekolah yang mengambil alih peranan ibu bapa. Ibu bapa perlu memahami hakikat ini bahawa sebaik sahaja anak-anak anda dihantar ke sekolah, secara tidak langsung ibu bapa sebenarnya telah menyerahkan kuasa mendidik itu kepada guru-guru sekolah. Maka sebaik-baiknya kuasa berkenaan dihormati sepanjang masa.

Kepada pentadbir sekolah pula, sentiasa prihatin dan peka akan kebajikan guru-guru anda. Berikan penghargaan yang setimpal kepada guru-guru tanpa mengira masa dan keadaan.

Bagi masyarakat awam di luar sana, mereka harus bersikap matang, rasional dan menjalin hubungan yang baik dengan warga pendidik. Jangan disebabkan desas-desus yang tersebar di media sosial dan tidak mengetahui selok-belok isu, lantas dijatuh-hukum terhadap warga pendidik.

Isu kemurungan yang dihadapi oleh warga pendidik kita juga memberikan peluang kepada pihak kerajaan terutamanya KPM untuk melihat kembali kepincangan dan

lompong-lompong yang wujud dalam dasar pendidikan negara.

Pengumuman oleh Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik bahawa Dasar Pendidikan Negara akan dikaji semula adalah tepat pada masanya. Menjadi harapan semua pihak agar proses pengajaran dan pembelajaran atau P&P dilangsungkan dalam keadaan yang menyeronokkan sekali gus menerapkan aura positif ke dalam diri setiap pelajar.

Mudah-mudahan, isu kemurungan dalam kalangan guru sekolah akan mendapat perhatian pihak berwajib dan ditangani secara tuntas. Sesungguhnya, kematian beberapa orang guru sekolah akibat kemurungan dan stres seperti yang dilaporkan di dada akhbar sebenarnya boleh dielakkan jika tindakan pantas diambil. Perkara yang sama tidak boleh dibiarkan berulang kerana kegagalan untuk berbuat demikian boleh memberi impak yang negatif kepada prestij dan persepsi orang ramai terhadap profesion perguruan yang satu ketika dahulu dipandang tinggi oleh semua.

** Penulis pernah berkhidmat sebagai seorang guru sekolah. Segala pandangan yang diberikan di atas hanyalah pandangan peribadi penulis*